

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HIA 101 Pengantar Pengajian Islam

Masa: [3 jam]

Perhatikan bahawa PERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN  
DAN JAWABAN DILAMPAIR DUA [2] HALAMAN.

Jawab soalan SATU [1] dan DUA [2] soalan pilihan yang lain.

1. Antara matlamat utama ajaran Islam ialah untuk menjamin kebajikan dan menolak keburukan. Matlamat ini dapat dicapai melalui penjagaan 3 perkara iaitu *Daruriyyat*, *Hajiyyat* dan *Tahsiniyyat*. Huraikan ketiga-tiga perkara tersebut.
2. Naluri semulajadi manusia memerlukan kepada agama. Bincangkan kenyataan ini secara ilmiah dan kritis dari aspek-aspek berikut:
  - [ i ] Tiga sebab utama kenapa dari segi fitrahnya manusia perlukan agama.
  - [ ii ] Pandangan beberapa tokoh pemikir Barat bahawa fenomena beragama adalah fenomena baru dan sengaja direka untuk kepentingan golongan tertentu.
  - [ iii ] Kedudukan agama berhadapan dengan kemajuan ilmu pengetahuan.
3. Bincangkan perkara-perkara berikut:
  - [ i ] Definisi al-Qur'an.
  - [ ii ] Cara al-Qur'an diturunkan dan hikmatnya.
  - [ iii ] Empat aspek mu'jizat al-Qur'an.

...2/

4. "Aqidah Tauhid" adalah merupakan asas ajaran Islam dari mana munculnya syariah dan Akhlak sebagai hasilnya.
  - [ i] Huraikan pengertian Aqidah dan Tauhid.
  - [ ii] Huraikan konsep Tauhid *Rububiyah* dan Tauhid *Uluhiyyah*.
  - [iii] Bincangkan peranan Aqidah dalam menentukan perjalanan kehidupan seharian.
  
5. Kebelakangan ini terdapat suara-suara yang mempertikaikan kedudukan al-Sunnah sebagai salah satu sumber asasi ajaran Islam di samping al-Qur'an.
  - [ i] Jelaskan maksud al-Sunnah.
  - [ ii] Dengan berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith, jelaskan kedudukan al-Sunnah dalam Islam.
  - [iii] Huraikan sebab kenapa al-Sunnah tetap diperlukan sekalipun al-Qur'an sudah diwahyukan.
  
6. Syariah Islamiyyah adakalanya disalahfahami dalam ertikata yang sempit sebagai satu sistem kepercayaan dan ritual semata-mata. Apakah maksud syariah itu sendiri dan huraikan aspek-aspek yang terkandung dalam Syariah Islamiyyah.
  
7. Ijtihad adalah satu mekanisme yang digunakan oleh para mujtahid untuk mencari hukum bagi perkara-perkara baru yang tidak disebutkan hukumnya dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Bincangkan perkara-perkara berikut:
  - [ i] Maksud Ijtihad itu sendiri.
  - [ ii] Ruanglingkup Ijtihad.
  - [iii] Kedudukan dan kepentingan Ijtihad dalam perundangan Islam.

--oo000oo--